

30/09/1997

Soros dan percaturan agensi berita

Mior Kamarul Shahid

KITA ikuti komen wartawan asing mengenai pertentangan pendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan spekulator kewangan George Soros ketika kedua-dua mereka berada di Hong Kong baru-baru ini. Maklumat yang disalurkan menerusi agensi berita itu, rasanya tersebar begitu meluas ke seluruh dunia. Berita itu mendapat tempat meluas di media antarabangsa dan ada yang menyiarkannya di muka satu. Kalau kita nak balas tulisan mereka itu, rasanya susah nak tembus pasaran mereka sebab kawalan terhadap pengaliran berita adalah kuasa mutlak mereka. Kalau nak komen dalam Internet bolehlah, tapi tidak sekuat rangkaian yang mereka kawal. Dari segi kewibawaan, rasanya pandangan daripada agensi berita ini lebih mudah diterima. Ini bermakna, kalau kita nak bantah pun, suara kita hilang separuh jalan.

Sebetulnya, bentuk peristiwa yang diberi liputan oleh media asing mengenai sikap seseorang pemimpin dan sesebuah negara sudah lama menjadi persoalan teori dan dasar. Kebelakangan ini pula, ia menjadi elemen penting dalam hubungan luar antara negara membangun dan negara industri Barat serta agensi berita Barat yang mendominasi pengaliran berita antarabangsa. Jika ada pihak yang cuba membantah sikap negara maju atau tokoh tertentu, mereka akan menunggu saat yang sesuai untuk bertindak balas. Mereka akan melakukan apa saja, malah sanggup menggugat kestabilan politik dan ekonomi menerusi kuasa media. Jika Soros boleh mengumpul sejumlah wartawan hingga memenuhi dewan untuk mengikuti sidang akhbarinya, bermakna beliau sudah memberi signal awal kepada mereka berhubung kecaman yang akan dilemparkannya. Tetapi, jika pemimpin daripada negara ketiga ingin membuat jawapan balas, kita yakin, sambutannya tidak sehebat itu.

Bagi kita di negara ketiga, kita memang membantah paten pengaliran berita yang diamalkan sekarang berasaskan kepada dua dimensi:

Pertama, mengenai potensi kesan buruk membabitkan usaha pembangunan, pengaruh budaya dan ekonomi. Kita berani mengatakan bahawa sebahagian besar maklumat yang disebarkan oleh agensi berita mengenai negara kita dan kebanyakan negara Dunia Ketiga adalah bercirikan krisis, saingan, konfrontasi, konflik dan super-sensasi. Kedua, wujud ketidakseimbangan liputan berita antara negara maju dan kurang maju yang mana sebahagian besar berita yang mereka kutip adalah mengenai keburukan negara kita. Ini bukan perkara baru. Dalam bantahan yang pernah dibuat oleh negara Dunia, mereka menyatakan bahawa keadaan ini sebagai satu bentuk dominasi budaya terhadap negara membangun oleh negara industri. (Nnaemeka dan Richstad 1981). Semua ini menunjukkan masih tidak wujud pendemokrasi maklumat. Apa yang kita harapkan iaitu pengaliran bebas maklumat dan seimbang, masih jauh daripada realiti.

Agensi berita mungkin boleh mempertahankan diri dengan mengatakan bahawa mereka membuat laporan yang menyeluruh di hampir di seluruh negara. Sebenarnya, apa yang kita pentingkan bukan sekadar bilangan berita, tetapi bentuk berita yang dipaparkan. Walaupun ada maklumat disebarkan ke serata dunia tetapi semuanya dengan tujuan memburukkan negara kita, ia tidak ada faedahnya. Andaian yang mengatakan bahawa tidak ada orang yang berminat membaca berita mengenai pembangunan, sebaliknya lebih tertarik kepada berita sensasi, tidak boleh kita terima.

Hari ini, hampir 80 peratus daripada aliran berita dunia datangnya dari agensi berita transnasional. Daripada jumlah itu, hanya antara 20 dan 30 peratus saja mengenai negara membangun, meskipun sedar di situlah

terletaknya tiga suku daripada penduduk dunia. Bukanlah juga perkara baru bahawa maklumat yang disebarikan sudah diselewengkan faktanya. Inilah cara media transnasional mengenakan cara mereka dalam melihat dunia di negara membangun. Mereka mengasaskan krisis, demonstrasi serta membesarkan berita yang memburukkan keadaan.

Negara membangun juga harus menyalahkan diri sendiri kerana gagal mewujudkan agensi berita sendiri yang boleh menyaingi agensi transnasional. Hari ini agensi transnasional memonopoli saham terbesar potensi sumber manusia dalam bentuk komunikasi berita, sedangkan satu pertiga dari negara membangun tidak mempunyai agensi berita yang mewakili mereka. Apakah hak kita untuk mendapat sumber berita kerana hak mendapatkan maklumat terdedah kepada kepentingan mereka yang mempunyai sumber untuk mendapat dan menanamkan maklumat.

Orde Baru Maklumat Dunia tidak pernah dipatuhi. Antara lain menurut orde itu, negara maju mesti membantu membebaskan ikatan penjajah dalam konteks maklumat, dengan mengambil pendekatan yang lebih objektif terhadap aspirasi dan kebimbangan negara membangun, manakala pada masa yang sama mengelakkan berita yang membangkitkan kebencian atau perkauman, agama, politik atau dalam apa saja bentuk pilih kasih dan sebarang usaha yang boleh membawa kepada salah tafsir, putar-belit atau menunjukkan tidak senang sebarang langkah yang diambil oleh negara membangun.

(END)